



Peranan dan Cabaran Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) dalam Memperkasakan Perjuangan Ulama Semasa

The Role and Challenges of the Muslim Scholars Association of Malaysia (PUM) in Empowering Contemporary Ulama Movement

Mohamad Fikri Mohd Bakri,^a Mohd Roslan Mohd Nor,^b Nurbatriesya Abd Rahim,^c & Abdul Rahimey Ab Rahman^d

^{a b c d} Department of Islamic History, Civilization and Education, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, Malaysia
m_roslan@um.edu.my (corresponding author)

Received Date:
10 May 2026
Accepted Date:
14 June 2026
Published Date:
31 July 2026

Abstract

This study examines the role and challenges of the Muslim Scholars Association of Malaysia (PUM) in empowering the movement of ulama in Malaysia since its establishment in 1972. PUM was established in response to the need to unify the voices of scholars in facing contemporary socio-political and ideological challenges. This study analyses PUM's contribution in various dimensions including education, preaching, Islamic policy advocacy, women's right advocacy, digital media usage and community activities. In addition, this article explores internal challenges such as leadership, the involvement of young scholars and resource limitations as well as external challenges such as the influence of secularism, liberalism, religious pluralism and information technology challenges. The study findings indicate that despite facing various ideological and structural pressures, PUM remains consistent in playing a strategic role in strengthening the authority of scholars as community guides and a bastion for the authenticity of Islamic teachings. This study suggests strengthening the leadership of young scholars, increasing the use of digital technology and cross-institutional collaboration strategies as measures to empower the role of PUM in facing upcoming challenges.

Keywords: The Muslim Scholars Association of Malaysia (PUM), movement of ulama, contemporary challenges, digital media, secularism, liberalism

Abstrak

Kajian ini meneliti peranan dan cabaran Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) dalam memperkasakan perjuangan ulama di Malaysia sejak penubuhannya pada tahun 1972. PUM ditubuhkan sebagai respons terhadap keperluan menyatukan suara ulama dalam menghadapi

cabaran sosio-politik dan ideologi semasa. Kajian ini menganalisis sumbangan PUM dalam pelbagai dimensi termasuk pendidikan, dakwah, advokasi dasar Islam, pembelaan hak wanita, penggunaan media digital, dan aktiviti kemasyarakatan. Selain itu, artikel ini menelusuri cabaran-cabaran dalaman seperti kepimpinan, penglibatan ulama muda, dan keterbatasan sumber, serta cabaran luaran seperti pengaruh sekularisme, liberalisme, pluralisme agama dan cabaran teknologi maklumat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun berdepan pelbagai tekanan ideologi dan struktural, PUM tetap konsisten memainkan peranan strategik dalam memperkukuh wibawa ulama sebagai pembimbing umat dan benteng kepada ketulenan ajaran Islam. Kajian ini mencadangkan pengukuhan kepimpinan ulama muda, peningkatan penggunaan teknologi digital dan strategi kerjasama rentas institusi sebagai antara langkah memperkasakan peranan PUM dalam mendepani cabaran mendatang.

Kata kunci: Persatuan Ulama' Malaysia, perjuangan ulama, cabaran kontemporari, dakwah digital, sekularisme, liberalisme

Cite as: Mohd Bakri, M. F., Mohd Nor, M. R., Abd Rahim, N., & Ab Rahman, A. R. (2026). Peranan dan Cabaran Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) dalam Memperkasakan Perjuangan Ulama Semasa. *Journal of Al-Falah*, 2(1), 87–99.

Pengenalan

Peranan ulama dalam membimbing umat Islam sepanjang sejarah telah menjadi asas kepada kemajuan intelektual dan spiritual dalam masyarakat. Di Malaysia, Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) yang ditubuhkan pada tahun 1972, berperanan penting dalam memperkasakan suara ulama dalam pelbagai aspek kehidupan umat Islam, terutamanya dalam menghadapi cabaran-cabaran kontemporari yang semakin kompleks. PUM bukan sahaja bertindak sebagai sebuah organisasi yang menyatukan para ulama, tetapi juga sebagai sebuah badan yang memperjuangkan penegakan nilai-nilai Islam melalui dakwah, pendidikan dan advokasi terhadap dasar-dasar kerajaan yang berteraskan prinsip Islam.

Namun, dalam menjalankan peranannya, PUM menghadapi pelbagai cabaran yang datang daripada faktor-faktor luar dan dalam. Secara luaran, globalisasi, kemajuan teknologi serta pengaruh sekularisme dan liberalisme memberikan impak yang besar terhadap cara ulama diterima dan dihormati dalam masyarakat. Selain itu, kecenderungan untuk menjarakkan diri daripada autoriti agama dalam isu-isu sosial dan politik turut menguji keberkesanan peranan ulama dalam memimpin umat. Dalam konteks dalaman pula, cabaran berkaitan dengan pengukuhan kepimpinan ulama, penglibatan ulama muda serta strategi organisasi PUM itu sendiri turut mempengaruhi keupayaan PUM untuk memperkasakan perjuangan ulama dalam menghadapi cabaran semasa.

Artikel ini bertujuan untuk membincangkan peranan yang dimainkan oleh PUM dalam memperkasakan perjuangan ulama dalam konteks semasa serta menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PUM dalam melaksanakan tugas tersebut. Dengan meneliti sejarah penubuhan PUM, peranannya dalam memperkasa suara ulama serta responsnya terhadap cabaran-cabaran kontemporari, artikel ini akan memberikan gambaran yang lebih mendalam mengenai sumbangan PUM terhadap umat Islam di Malaysia serta langkah-langkah yang perlu

diambil untuk memastikan keberkesanan perjuangan ulama dalam menghadapi cabaran masa depan.

Sejarah dan Matlamat Penubuhan PUM

Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) ditubuhkan pada tahun 1972, berperanan sebagai sebuah organisasi yang menyatukan para ulama di Malaysia sebagai alternatif untuk memperjuangkan kepentingan Islam, umat Islam dan membina kesatuan di kalangan ilmuwan agama. Penubuhan PUM berakar dari keperluan untuk mewujudkan platform yang menghubungkan ulama-ulama di Malaysia dengan tujuan memperkasakan peranan mereka dalam masyarakat, terutamanya dalam menangani pelbagai cabaran semasa yang melibatkan isu-isu kontemporari dalam bidang agama, politik, sosial dan pendidikan (Nik Wan, N.M.S, 2019). Hal ini juga dilihat sebagai reaksi terhadap keadaan di mana terdapat kekurangan saluran rasmi untuk ulama berbincang, berkolaborasi dan menyuarakan pandangan mereka terhadap isu-isu masyarakat dan negara.

Kongres Ekonomi Islam Kedua anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar 1972 berfungsi sebagai pemangkin utama dalam mencetuskan idea penubuhan PUM bagi menunjukkan satu komitmen bahawa isu-isu ekonomi dan sosial tidak dapat dipisahkan daripada peranan ulama sebagai pemandu moral serta penggerak pemikiran umat. Kongres ini berlangsung pada 7 hingga 9 April 1972 yang bertempat di Dewan al-Malik Faisal MPI (Kolej Islam Malaya), Seksyen 17, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan (Kassim, 2017). Keputusan dari kongres ini telah bersetuju untuk menubuhkan beberapa agensi utama yang dilihat sebagai pemangkin kepada kesedaran kolektif terhadap pemikiran dan pembangunan umat Islam di Malaysia antaranya 1) Tabung Pembangunan Ekonomi Islam, 2) Tabung Kewangan Orang-orang Islam, 3) Kompleks Kewangan dan Permodalan, 4) Persatuan Ulama Malaysia dan 5) Yayasan Sebaran Islam (Persatuan Ulama' Malaysia, 2025).

Berdasarkan perbincangan awal pada tahun 1972, struktur organisasi awal Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) telah dibentuk dengan melantik beberapa tokoh terkemuka dalam jawatankuasa penaja. Allahyarham Prof. Tan Sri Ahmad Ibrahim memainkan peranan sebagai Penasihat Jawatankuasa Penaja, manakala Allahyarham Haji Nik Muhyiddin Haji Musa dilantik sebagai Pengerusi Penaja. Dr. Mohd Zin Othman berkhidmat sebagai Timbalan Pengerusi, Dato' Haji Mohd Nakhaie Haji Ahmad sebagai Setiausaha Penaja, dan Syed Harun Syed Abd. Rahman Al-Habsyi sebagai Bendahari. Selain itu, Datuk Haji Ghazali Abdullah dan Tuan Haji Arshad Masjuri turut dilantik sebagai ahli jawatankuasa penaja. Dua tahun selepas perancangan awal, PUM akhirnya ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1974 melalui Mesyuarat Agung Khas Pertama yang diadakan di Kolej Islam Kelang, Selangor. Dalam mesyuarat tersebut, draf perlembagaan PUM telah diluluskan, sekaligus menandakan kelahiran rasmi persatuan ini. Seiring dengan penubuhannya, sebuah seminar mengenai pendidikan Islam dan peranan ulama' turut diadakan, yang dihadiri oleh tokoh-tokoh Islam terkemuka, termasuk mufti-mufti. Mesyuarat Agung tersebut juga melantik Allahyarham Haji Nik Muhyiddin Musa sebagai Yang Dipertua PUM yang pertama (Persatuan Ulama' Malaysia, 2025).

Dengan tertubuhnya PUM, ia dilihat langkah penting untuk menghubungkan ulama-ulama di Malaysia dengan ulama-ulama dari seluruh dunia dengan membentuk satu jaringan yang lebih luas dalam menegakkan prinsip-prinsip Islam. Menanggapi situasi ketika itu, dunia Islam berada dalam situasi yang mencabar dengan banyak negara Islam berhadapan dengan cabaran globalisasi, sekularisme dan ideologi-ideologi asing yang mengancam integriti ajaran Islam. Di Malaysia sendiri, keadaan ini turut dirasai dengan perubahan sosial yang pesat, termasuklah dalam bidang pendidikan, ekonomi dan dasar-dasar kerajaan. Sebagai sebuah organisasi, PUM muncul dengan tujuan utama untuk memperkukuh suara ulama, memberi panduan dalam memahami dan mengaplikasikan ajaran Islam dalam konteks masyarakat

moden serta memastikan bahawa ajaran Islam terus relevan dalam menghadapi zaman yang semakin mencabar. PUM menjadi platform untuk menyalurkan wacana ilmiah dan perbahasan antara ulama tempatan dan ulama dari negara-negara Islam yang lain, memperkukuhkan hubungan antarabangsa dalam konteks dakwah dan penyebaran ilmu Islam (Kassim, 2017).

PUM yang didaftarkan sebagai sebuah badan bukan kerajaan (NGO) adalah bersifat non-partisan yang berperanan penting di dalam arena kebajikan masyarakat serta bertindak sebagai wadah penyatuan ulama, asatizah dan cendekiawan Islam dalam menangani isu-isu kontemporari umat Islam terutamanya dalam mencetuskan idea-idea progresif berkaitan pendidikan, ekonomi, budaya dan politik umat Islam (Tumin, M., & Nurhadi, R., 2007). Bertitik tolak dari itu, Perlembagaan Persatuan Ulama Malaysia (PUM) khususnya melalui Fasal 111, memperincikan lapan matlamat utama penubuhannya yang dapat diklasifikasikan kepada tiga dimensi utama, iaitu intelektual, sosial dan kerjasama institusi. Dari segi dimensi intelektual dan keilmuan, PUM berusaha menyatukan ulama dalam satu gerakan Islam (*ḥarakah Islāmiyyah*) yang tersusun bagi memastikan keseragaman dalam perjuangan menegakkan syariat Islam. Inisiatif ini mencerminkan kesedaran terhadap pentingnya perpaduan dalam kalangan ulama bagi menghadapi cabaran pemikiran kontemporari dan kekacauan sosial. Selain itu, PUM turut menekankan kepentingan penyelidikan dan penerbitan ilmiah, termasuk usaha menghidupkan semula khazanah keilmuan klasik Islam. Pendekatan ini sejajar dengan tradisi keilmuan Islam yang menitikberatkan integrasi antara warisan *turāth* dan keperluan semasa umat (Othman et al., 2022).

Adapun dari sudut sosial dan pembangunan ummah, PUM berperanan memperkasa kedudukan ulama dalam masyarakat terutama dalam konteks kemerosotan pengaruh institusi ulama akibat arus sekularisasi dan perubahan sistem nilai. Organisasi ini turut mengangkat peranan sosialnya sebagai agen pembaharuan moral dengan berusaha menangani keruntuhan akhlak melalui promosi nilai-nilai Islamiah. Selanjutnya, PUM menyasarkan bimbingan masyarakat ke arah pembangunan menyeluruh yang seimbang antara aspek material dan spiritual, selari dengan kerangka *Maqāṣid al-Syarī'ah* yang menekankan kemaslahatan umat secara holistik.

Dari aspek kerjasama institusi, PUM menunjukkan keterbukaan untuk menjalin hubungan dengan pertubuhan Islam lain sekali gus mengelakkan sikap eksklusif dalam gerakan dakwah. Jaringan ini bukan sahaja memperluas pengaruh bersama, bahkan meningkatkan keupayaan kolektif dalam menangani isu-isu umat. Di samping itu, PUM turut menekankan pentingnya peningkatan imej dan keberkesanan organisasinya, menandakan kesedaran strategik terhadap keperluan pengurusan reputasi dan tadbir urus yang cekap dalam memastikan kesinambungan dan impak gerakan Islam yang berwibawa. Penubuhan PUM dengan objektif-objektif tersebut mencerminkan kesinambungan tradisi ulama sebagai pewaris Nabi (*warathat al-anbiyā'*), sekali gus menyesuaikan dengan konteks sosio-politik moden. Fokusnya terhadap penyelidikan dan penerbitan ilmiah menunjukkan komitmen terhadap pemerkasaan epistemologi Islam, manakala penekanan pada kerjasama institusi menggambarkan pendekatan strategik dalam gerakan Islam.

Peranan PUM dalam Memperkasakan Perjuangan Ulama

Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) memainkan peranan yang sangat signifikan dalam memperkasakan perjuangan ulama di Malaysia, terutamanya dalam menghadapi cabaran yang semakin kompleks pada zaman kontemporari. Sebagai badan yang menghimpunkan ulama dari pelbagai latar belakang dan disiplin, PUM berusaha untuk memperkukuhkan suara ulama dalam pelbagai aspek kehidupan umat Islam di Malaysia. Peranan ini merangkumi pelbagai dimensi, termasuk pendidikan, dakwah, penglibatan dalam dasar negara serta advokasi

terhadap nilai-nilai Islam. Di bawah ini, akan dibincangkan secara terperinci peranan-peranan utama PUM dalam memperkasakan perjuangan ulama.

Intelektual

Dalam aspek pendidikan Islam, PUM turut memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkasakan pendidikan Islam melalui program-program yang dianjurkan di peringkat sekolah-sekolah, universiti dan institusi pendidikan tinggi. Melalui penganjuran seminar, bengkel dan kuliah umum, PUM memperluaskan penyebaran ilmu Islam yang sahih dan memperkasa pengetahuan masyarakat tentang agama mereka. PUM juga memberi fokus kepada pendidikan ulama muda dengan menyediakan platform bagi mereka untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan pendapat mereka dalam pelbagai isu semasa. Beberapa siri seminar di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa telah dianjurkan PUM bahkan menjadi acara wajib saban tahun sebagai platform pertemuan para sarjana serantau Malaysia dan ahli-ahli PUM sendiri untuk berdiskusi sekitar isu-isu semasa yang berlegar dalam kalangan masyarakat. Sejak awal penubuhannya, PUM telah menganjurkan sekurang-kurangnya 54 siri seminar, persidangan, konvensyen dan wacana ilmiah yang berskala melebihi 150 orang penyertaan. Adapun kategori penganjurannya di peringkat kebangsaan sebanyak 48 kali, serantau 4 kali dan antarabangsa 2 kali. Siri seminar Madrasah Ulama' adalah antara wacana yang paling mendapat sambutan dengan memberi peluang kepada para peserta yang hadir untuk bertukar idea dan pandangan bagi sesuatu masalah atau isu. Pada tahun 2000, 3 kali siri Seminar Madrasah Ulama dilaksanakan iaitu pada 8 April 2000 (bertempat di Kompleks Darul Hikmah, Masjid UIA Petaling Jaya) dengan fokus perbahasan mengenai cabaran aqidah dan pemikiran umat Islam alaf ini, 10 Jun 2000 (bertempat di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) yang bertemakan Islamofobia-K-Islam vs K-Sekular yang turut menyentuh usaha pihak orientalis menerapkan nilai-nilai sekular dalam sistem pendidikan, pentadbiran, ekonomi, sosiobudaya dan sebagainya, manakala siri ketiga dilaksanakan pada 9 September 2000 (bertempat di Kompleks Darul Hikmah, Masjid UIA Petaling Jaya) membawa tema Menelusuri Khazanah Sufistik yang memberi penekanan terhadap pengertian Tasawuf yang sihat, tidak terkeluar dari landasan aqidah dan syariah supaya dapat dipraktikkan dengan betul oleh pengamal (Kassim, 2017).

Di samping itu, PUM menerusi PUM Cawangan Negeri Perak turut menggagaskan rangkaian sekolah tahfiz di peringkat menengah. Sistem sekolah ini menekankan penggubalan silibus pendidikan agama yang bersesuaian dengan keperluan zaman moden tanpa meninggalkan silibus tradisi *turāth* yang menjadi pendekatan pengajaran Rasulullah SAW dan ulama terdahulu (Azizan, N.I, et al., 2024). Mereka memastikan agar pendidikan agama yang diberikan tidak hanya tertumpu pada aspek ibadah, tetapi juga menyentuh soal-soal semasa yang dihadapi oleh umat Islam, seperti isu sosial, etika profesional dan sains. Dengan cara ini, PUM berusaha untuk melahirkan ulama yang tidak hanya berilmu agama tetapi juga mampu berhadapan dengan cabaran dunia moden. PUM juga tidak ketinggalan dalam menerbitkan bahan bacaan sebagai satu cara menunjukkan komitmen pertubuhan ini dalam mendidik umat Islam dalam mendepani isu-isu semasa di Malaysia. Sebagai contoh, pada tahun 2022, PUM telah menerbitkan sejumlah buku antaranya Pemilikan Harta dan Pengurusan Wakaf (Falsafah, Pelaksanaan & Impak), Aturan Perkahwinan (Undang-undang Keluarga Islam) Sebuah Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa, Pemerkasaan Islam Dalam Keluarga Malaysia: Konsep, Gagasan & Realiti, Keluarga Malaysia dan Perpaduan Umat: Konsep, Gagasan & Realiti. Manakala pada tahun 2023, buku yang diterbitkan oleh PUM ialah 50 Wasiat Rasulullah Untuk Wanita dan Konflik Duka Palestin Israel: Bumi, Darah & Airmata. Buku-buku yang diterbitkan kebanyakannya ditulis oleh pensyarah serta penyelidik yang juga

mempunyai kepakaran dalam bidang mereka, disesuaikan dengan perbahasan dan perbincangan yang melibatkan konteks semasa di Malaysia.

Sosio-politik

Dalam era globalisasi yang penuh dengan cabaran ideologi, PUM berperanan penting dalam mempertahankan ajaran Islam daripada pengaruh pemikiran sekular dan liberal yang semakin meluas. PUM mengambil pendirian tegas terhadap ideologi-ideologi yang bertentangan dengan prinsip Islam, seperti pluralisme agama, hak asasi manusia yang ekstrem dan liberalisme dalam soal-soal agama. PUM memberi penekanan terhadap pemahaman Islam yang holistik, menekankan kesyumulan ajaran Islam dalam kehidupan seharian dan menentang usaha-usaha yang cuba untuk mengubah atau menyesuaikan ajaran Islam dengan pemikiran asing yang bertentangan dengan syariah.

Salah satu peranan terpenting PUM adalah menyatukan ulama Malaysia dalam menyuarakan pandangan mereka terhadap isu-isu agama dan sosial yang mempengaruhi umat Islam. PUM berfungsi sebagai platform untuk para ulama berdialog dan berkolaborasi dalam membincangkan pelbagai isu semasa yang memerlukan pandangan Islam yang jelas dan sahih. Dengan kekuatan kolektif ulama yang disatukan dalam satu wadah, PUM dapat memberikan suara yang lebih kuat dan berkesan dalam menyelesaikan masalah umat Islam, sama ada di peringkat domestik atau global. Sebagai contoh, PUM sering mengeluarkan kenyataan mengenai isu-isu semasa seperti kedudukan Islam dalam negara, hak-hak wanita dalam Islam, isu LGBT dan pengaruh sekularisme. Dengan menyatukan pandangan ulama, PUM membantu umat Islam untuk melihat penyelesaian masalah berdasarkan ajaran Islam yang sahih dan menghindari kecenderungan pemikiran yang bertentangan dengan prinsip-prinsip syariah.

Contoh yang paling signifikan yang boleh dilihat pada kenyataan media yang dikeluarkan oleh PUM berkenaan keputusan mahkamah persekutuan dalam kes SIS Forum (Malaysia) & Seorang Lagi lawan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor & lain-lain pada 19 Jun 2025. PUM kekal dengan pandangan bahawa umat Islam di Malaysia perlu menjauhi fahaman liberalisme dan pluralisme yang telah difatwakan sebagai sesat serta mengajak kepada umat Islam untuk menghormati serta mematuhi fatwa yang telah diwartakan. PUM juga menyeru supaya bersatu dalam memperkukuh institusi agama dan menghormati kedaulatan Raja-Raja Melayu sebagai ketua agama Islam di negeri-negeri (Parzi M.N., 2025). Ini menunjukkan bagaimana PUM tegas dalam memberikan advokasi berkaitan dasar pendirian terhadap fahaman yang jelas bertentangan di sisi agama Islam.

PUM juga komited dalam menghapuskan stereotaip segelintir pihak yang masih menganggap wanita di sisi Islam sebagai golongan kelas kedua atau golongan yang dipinggirkan (Kassim, 2017). Tanggapan ini tidak berasas, kerana PUM sendiri menjulang tinggi martabat wanita serta tidak menolak penglibatan wanita dalam pembangunan negara bahkan menggalakkan lebih ramai lagi muslimat bergiat aktif menggembleng tenaga dalam mencorakkan masyarakat sesuai seperti mana yang digariskan oleh Islam. Justeru, PUM mengambil pelbagai inisiatif sebagai usaha memecahkan tembok kekeliruan masyarakat dengan memberikan pencerahan yang menyentuh kerencaman isu di sekitar penglibatan wanita melalui penganjuran beberapa seminar, wacana dan kuliah yang menghimpunkan muslimat dari latar belakang dan pendidikan yang berbeza. Hal ini boleh dilihat menerusi penganjuran julung kalinya Wacana Semasa Ilmuwan Wanita Islam: Globalisasi dan Hak Wanita, yang turut diserikan dengan sesi forum sebagai wadah pertukaran intelektual, dan merupakan antara program yang berjaya menarik seramai lebih 600 orang peserta sekali gus mencerminkan sambutan yang terima amat memberangsangkan.

Selain itu, PUM turut terlibat dalam perbincangan tentang perundangan syariah, penguatkuasaan hukum Islam dalam masyarakat dan pembentukan dasar pendidikan Islam.

Melalui peranan ini, PUM berusaha untuk memastikan bahawa Malaysia terus menegakkan syiar Islam dalam pentadbiran negara dan kehidupan masyarakat. Ia berperanan sebagai pengimbang, memastikan bahawa kebijakan yang diambil oleh kerajaan adalah bersesuaian dengan prinsip-prinsip Islam dan tidak terpengaruh dengan ideologi luar yang bertentangan dengan ajaran agama. Dari satu sisi, PUM mengingatkan pihak berkuasa bahawa keputusan yang diambil dalam aspek undang-undang dan pentadbiran negara haruslah selaras dengan nilai-nilai Islam, terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan hak asasi manusia, ekonomi dan sosial.

PUM tidak hanya terhad kepada masalah dalaman negara, namun turut memainkan peranan dalam advokasi terhadap keadilan sosial di peringkat global. Dalam konteks ini, PUM memberikan sokongan moral dan praktikal yang tidak berbelah bahagi terhadap perjuangan umat Islam di seluruh dunia seperti isu Palestin, Rohingya dan kezaliman yang dihadapi oleh umat Islam di negara-negara tertentu (Malaysia Gazette, 2025). Sebagai organisasi yang mempunyai pengaruh dalam kalangan ulama, PUM turut menggerakkan solidariti dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia untuk membantu perjuangan umat Islam di negara-negara tersebut, baik melalui derma, bantuan kemanusiaan, atau penekanan politik terhadap negara-negara yang bertanggungjawab. Selain itu, PUM juga turut memperjuangkan isu-isu seperti Islamophobia, diskriminasi terhadap umat Islam di luar negara, dan hak asasi manusia untuk umat Islam di negara-negara minoriti. PUM memberi tumpuan kepada pembinaan kesedaran global terhadap situasi umat Islam yang terpinggir dan berusaha untuk memberi sumbangan yang signifikan dalam menyelesaikan masalah ini.

Dakwah Digital

Dalam era teknologi revolusi industri 4.0 yang bergerak seiring dengan dunia digital, penyebaran informasi dan maklumat juga semakin berkembang menjadikan komunikasi dan interaksi manusia menjadi lebih mudah (Abdullah et al., 2022). Tambahan pula, dengan perkembangan teknologi dan media sosial yang pesat, PUM juga berusaha untuk memanfaatkan media baru dalam menjalankan dakwah dan memperkasa perjuangan ulama. PUM menggunakan media sosial, platform digital dan teknologi terkini untuk menyebarkan ilmu Islam, menjawab persoalan umat Islam dan menangani isu-isu semasa yang berkaitan dengan agama. Ini termasuklah penganjuran ceramah agama secara dalam talian, penerbitan artikel, video dakwah dan penglibatan dalam forum-forum ilmiah yang melibatkan masyarakat umum. Melalui pendekatan ini, PUM dapat menjangkau lebih ramai golongan muda dan masyarakat yang lebih luas, termasuk mereka yang tidak dapat menghadiri majlis-majlis ilmu secara fizikal. Ia juga memberi peluang kepada ulama untuk terlibat dalam perbincangan global mengenai isu-isu Islam, tanpa terhad kepada sempadan negara. PUM turut memberi penekanan terhadap penggunaan teknologi dalam memastikan bahawa dakwah yang disampaikan adalah berkesan dan memenuhi kehendak zaman. Ini kerana dakwah di dalam media digital bukan lagi satu pilihan akan tetapi menjadi wadah yang utama dalam mengembangkan syariat Islam di Malaysia (Abdullah et al., 2022).

Unsur *hikmah* serta pemilihan pendekatan yang bersesuaian ditegaskan sebagai tunjang utama dalam pelaksanaan dakwah yang berkesan merangkumi kesesuaian strategi atau medium yang digunakan seiring dengan tuntutan zaman. Perkara ini dinyatakan secara jelas dalam *Sūrah An-Nahl* melalui firman-Nya:

يَا دُعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۚ وَجِدْهُمْ يَأْتِي هِيَ أَحْسَنُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۚ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia la jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

An-Nahl 16:125

Maka, para pendakwah perlu mendapatkan latihan bukan sahaja kemahiran insani seperti komunikasi berkesan atau keyakinan yang utuh akan tetapi kemahiran yang lain juga seperti penulisan jurnal, analisis wacana berbentuk kritis dan kreatif, fotografi penggunaan audio visual melalui aplikasi yang semakin bertambah baik sebagai media sosial. Dengan motivasi intrinsik di mana para pendakwah faham di mana apa yang mereka teroka ini adalah untuk kepentingan ummah, mereka mampu untuk menarik perhatian masyarakat menerima kejelasan agama Islam. Inilah antara bahagian yang perlu dimainkan terutama oleh PUM pada masa ini lebih-lebih lagi pendakwah generasi milenium apabila berhadapan dengan generasi milenium atau generasi Z masa kini (Kassim, 2017). Sebagai contoh video pengenalan PUM, siaran langsung pengisian seperti forum di saluran *YouTube* PUM menjadi antara salah satu usaha dalam menjadikan para pendakwah lebih fleksibel dalam menyampaikan ajaran Islam sesuai dengan perkembangan generasi terkini.

Aktiviti Kemasyarakatan

Seiring dengan tujuan asas penubuhannya, PUM terus proaktif mendekati masyarakat di peringkat akar umbi, menyantuni pelbagai lapisan komuniti serta memperkukuh jalinan silaturrahim tanpa mengira latar belakang dan pangkat. Meskipun dunia kini di ambang revolusi teknologi yang serba canggih, ia tidak akan mampu menggantikan sentuhan insani dan interaksi langsung dalam menyampaikan mesej dakwah yang lebih efektif. Melalui penglibatan secara langsung dalam komuniti, PUM dapat menginterpretasi cabaran dan keperluan semasa masyarakat dengan lebih holistik. Sebagai manifestasi kecaknaannya terhadap masyarakat, PUM mengambil pelbagai pendekatan seperti menganjurkan sambutan hari-hari kebesaran Islam, majlis meraikan anak-anak yatim malah turut turun padang menyantuni mangsa bencana alam menerusi misi bantuan banjir. Antara contoh aktiviti kemasyarakatan yang paling jelas dapat dilihat ialah Majlis Silaturrahim dan Penyampaian Sumbangan Aidilfitri yang dianjurkan pada tahun 2008 dengan penglibatan daripada seluruh barisan kepimpinan dan penggerak utama PUM. Majlis tersebut diimarahkan lagi melalui amalan berkongsi rezeki bersama Orang Kurang Upaya (OKU), anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal, saudara baharu yang memeluk Islam serta kanak-kanak (Kassim, 2017). Dalam majlis berkenaan, PUM telah menghulurkan bantuan berupa duit raya kepada semua penerima bagi meringankan sedikit sebanyak beban mereka, seterusnya membuka ruang kepada mereka untuk turut sama menyambut hari kemenangan tanpa rasa terpinggir. Jelaslah bahawa dalam kerangka memperkukuh kesatuan umat Islam, PUM sentiasa membumikan penganjuran aktiviti sosial dan kemasyarakatan sebagai nadi utama untuk menghidupkan nilai ihsan dan kasih sayang dalam komuniti Islam khususnya (Lubti, N., & Osman, K., 2024).

Cabaran-cabaran yang Dihadapi PUM

Walaupun Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkasakan perjuangan ulama dan menegakkan nilai-nilai Islam di Malaysia, ia juga

berhadapan dengan pelbagai cabaran yang datang daripada faktor-faktor luaran dan dalaman. Cabaran-cabaran ini mempengaruhi keberkesanan dan kemampuan PUM dalam menjalankan tugas-tugasnya, serta menjejaskan impak yang ingin dicapai dalam usaha memperkukuh peranan ulama di negara ini. Menerusi penjelasan yang dibuat oleh al-Siba'i (2021) menerusi karyanya mengenai Sirah Rasulullah SAW, beliau menegaskan bahawa keperitan dan kesulitan yang dihadapi seorang pendakwah merupakan sunnatullah dalam perjuangan dakwah dalam menyampaikan risalah Islam (Mardhiah, A.S., & Ibtisam, I., 2022).

Kepimpinan dan Struktur Organisasi

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh Pertubuhan Ummah Malaysia (PUM) adalah berkaitan dengan kepimpinan dan struktur organisasinya. PUM perlu memastikan bahawa kepimpinan yang sedia ada memiliki kemampuan dan komitmen yang tinggi untuk memikul tanggungjawab besar dalam memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam. Selain itu, sebagai sebuah organisasi besar yang terdiri daripada pelbagai individu dengan latar belakang yang berbeza, PUM juga berdepan dengan risiko perbezaan pendapat atau konflik dalaman, terutamanya apabila membincangkan isu-isu sensitif atau kontroversial. Bagi menangani cabaran ini, PUM telah memperkenalkan konsep “Kepimpinan Jama’ie”, yang menekankan penghargaan terhadap ilmu, pengalaman dan kepakaran setiap individu dalam organisasi. Menurut Zainab Mohamad (2009), pendekatan ini bertujuan untuk memupuk kerjasama dan kesepakatan dalam kalangan pemimpin dan ahli, sekaligus mengukuhkan perpaduan dan kecekapan organisasi.

Di samping itu, kepimpinan ulama muda juga menjadi cabaran yang semakin penting dalam era moden ini. PUM perlu memastikan bahawa generasi ulama muda terlibat secara aktif dalam aktiviti persatuan dan diberi ruang untuk menyuarakan pandangan serta idea segar mereka. Tanpa penglibatan aktif golongan ini, kesinambungan dan kelangsungan perjuangan PUM mungkin terancam, terutamanya dalam menarik minat generasi baharu untuk bersama-sama memajukan organisasi (Md Arof, F., 2025). Tambahan pula, penglibatan ulama muda ini mampu dijadikan ikon kepada generasi muda negara sebagai contoh yang baik kepada masyarakat. Sebelum ini golongan remaja banyak menjadikan ikon artis sebagai pujaan. Maka melalui platform dan sokongan dari PUM, beberapa individu atau program dapat diatur bagi mengedepankan golongan ulama muda sebagai ikon yang boleh diteladani (Md Arof, F., 2025). Di sisi yang lain, masalah kekurangan sumber daya manusia dan sokongan logistik dilihat berpotensi untuk membatasi keupayaan PUM dalam menyelaras program-program besar, seterusnya menjejaskan keberkesanan organisasi dalam mencapai matlamatnya. Untuk mengatasi halangan ini, PUM perlu memperkukuh jaringan kerjasama dengan institusi pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan lain bagi memastikan kelancaran operasi. Penggunaan teknologi digital juga boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan penyelarasan dan komunikasi dalam kalangan ahli terutamanya dari golongan muda yang aktif di media sosial kini. Dengan pendekatan yang lebih dinamik dan inklusif, PUM dapat terus relevan dan efektif dalam memperjuangkan aspirasi umat Islam di Malaysia.

Pengaruh Sekularisme dan Liberalisme

Salah satu cabaran besar yang dihadapi oleh PUM adalah pengaruh sekularisme dan liberalisme yang semakin meluas di Malaysia. Dalam era globalisasi ini, pemikiran sekular yang sentiasa dikaitkan dengan kebebasan berfikir sehingga memisahkan agama daripada kehidupan awam semakin berkembang, termasuk dalam kalangan golongan muda dan intelektual (Aziz, A., 2016). Ideologi ini boleh memberi kesan kepada penerimaan masyarakat terhadap peranan ulama dalam membimbing kehidupan mereka, kerana sekularisme menganggap bahawa

kehidupan sosial dan politik seharusnya berlandaskan prinsip-prinsip yang tidak bergantung kepada agama (Utusan Malaysia, 2025). Selain itu, aliran liberalisme agama yang memperjuangkan interpretasi bebas terhadap ajaran agama, serta menuntut hak-hak tertentu yang bertentangan dengan syariah, turut memberi cabaran kepada PUM. PUM terpaksa menangkis hujah-hujah yang menentang kedudukan Islam sebagai agama negara, mengekalkan prinsip-prinsip syariah dalam dasar-dasar negara dan isu-isu lain lagi. Cabaran ini memerlukan PUM untuk lebih agresif dalam mempertahankan ajaran Islam yang sahih dan menegaskan peranan ulama dalam menjaga kesucian dan ketulenan agama melalui platform yang pelbagai, baik dengan berdiskusi dengan pihak kerajaan, kolaborasi sesama NGO Islam mahupun kenyataan-kenyataan media yang menegaskan pendirian dan kritikan PUM terhadap isu-isu tertentu. Sebagai contoh, PUM pernah mengutarakan pandangan dan mempertahankan JAKIM dalam isu GISB Holdings yang dilihat seolah-olah JAKIM sebelum ini telah berlepas tangan dari mengambil tindakan terhadap syarikat tersebut (Jaafar, N., 2025).

Teknologi dan Media Sosial

Selain itu, senario ledakan teknologi maklumat dan perkembangan media sosial telah memberi dimensi baru kepada cabaran yang dihadapi oleh PUM. Walaupun media sosial memberi peluang untuk dakwah dan penyebaran ilmu, ia juga membawa cabaran dalam bentuk penyebaran pemikiran radikal, dakyah palsu dan fitnah yang boleh merosakkan pemahaman agama (Abdul Majeed, A. B, 2005). Media sosial memberi ruang kepada individu-individu yang tidak berkecualan untuk menyebarkan pandangan mereka tentang agama, yang sering kali bercanggah dengan ajaran Islam yang sahih. Penyebaran maklumat yang tidak disaring dengan teliti juga menyebabkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam, terutamanya golongan muda yang lebih cenderung untuk menerima informasi secara pantas tanpa mengkritiknya terlebih dahulu. PUM perlu berusaha lebih gigih untuk memanfaatkan media sosial sebagai platform yang berkesan untuk menakluk hati masyarakat dengan memberi penjelasan yang jelas mengenai isu-isu agama, serta menangkis maklumat yang salah atau sesat (Abdul Talib, N. A, Abdullah, M.Y., & Mohamad Salleh, M. A., 2017).

Mempolitikkan Agama

Satu lagi cabaran besar yang dihadapi oleh PUM adalah mempolitikkan agama, di mana isu-isu agama terkadang digunakan sebagai alat untuk meraih sokongan politik. Dalam beberapa kes, pihak tertentu mungkin cuba untuk memanipulasi institusi agama untuk kepentingan politik mereka, yang boleh menjejaskan objektiviti dan keberkesanan suara ulama. PUM, sebagai organisasi ulama yang bebas dan berwibawa, sentiasa berhati-hati dalam memastikan ia tidak terjebak dalam permainan politik yang boleh merosakkan integriti dan objektiviti perjuangannya. Dari satu sisi, mempolitikkan agama juga boleh membawa perpecahan dalam kalangan umat Islam, di mana sesetengah pihak menggunakan agama untuk meraih pengaruh atau kuasa politik, sedangkan tugas ulama adalah untuk menjaga kepentingan umat Islam secara keseluruhan tanpa dipengaruhi oleh kepentingan politik. PUM perlu berusaha untuk menegaskan prinsip keadilan dan kesatuan umat Islam, serta mengelakkan sebarang bentuk campur tangan politik yang boleh merosakkan kesatuan dan perjuangan ulama.

Pendanaan dan Sumber Daya

Walaupun PUM merupakan sebuah organisasi yang berperanan besar dalam memperkasakan perjuangan ulama, ia juga menghadapi cabaran dalam hal pendanaan dan sumber daya. Seperti kebanyakan organisasi bukan kerajaan (NGO) yang lain, PUM bergantung kepada dana untuk

melaksanakan program-program dakwah, seminar, penerbitan dan aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk mengembangkan ilmu dan memperkasa perjuangan ulama. Kekurangan dana yang mencukupi dapat membataskan kemampuan PUM untuk melaksanakan program-program yang lebih meluas dan berkesan. Selain itu, kekurangan tenaga kerja yang berkemahiran dalam pengurusan dan pemasaran program juga menjadi cabaran. PUM perlu meningkatkan usaha dalam mendapatkan sumber daya manusia yang berkualiti dan berkecayaan untuk mengendalikan pelbagai inisiatifnya, termasuk dalam bidang pengurusan acara, pemasaran dakwah, dan pengumpulan dana.

Menghadapi Pemikiran Progresif dan Pluralisme Agama

Di samping cabaran-cabaran tersebut, PUM turut berhadapan dengan perkembangan pemikiran progresif dalam kalangan sesetengah golongan yang memperjuangkan interpretasi Islam yang lebih liberal dan 'sesuai' dengan perkembangan zaman. Pemikiran ini sering kali bertentangan dengan ajaran tradisional Islam yang lebih ketat dan terikat dengan syariah. PUM perlu mengambil pendekatan yang berhati-hati dalam mengawal dan menanggapi pemikiran ini tanpa menimbulkan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Selain itu, pluralisme agama yang menyarankan kesetaraan antara semua agama yang membawa kepada kelunturan akidah sebahagian umat Islam juga menjadi cabaran. PUM berpendapat bahawa ajaran Islam adalah agama yang lengkap dan benar dan tidak ada agama lain yang sebanding dengannya. Justeru, PUM perlu menegaskan pendirian ini dalam menghadapi usaha-usaha untuk mengubah atau meredakan kedudukan Islam dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, makalah ini telah membincangkan peranan penting Persatuan Ulama' Malaysia (PUM) dalam memperkasakan perjuangan ulama di negara ini, serta cabaran-cabaran yang dihadapinya dalam menjalankan tanggungjawab tersebut. PUM memainkan peranan yang tidak ternilai dalam menyatukan ulama, memberikan platform untuk perbincangan ilmiah dan menjadi suara kolektif yang memperjuangkan ajaran Islam dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat. Melalui aktiviti pendidikan, dakwah dan advokasi, PUM berusaha untuk memastikan ajaran Islam terus relevan dalam menghadapi cabaran zaman moden, serta memastikan bahawa prinsip-prinsip Islam tetap menjadi panduan dalam dasar-dasar negara.

Namun, dalam perjalanan ini, PUM tidak terlepas daripada cabaran yang datang daripada faktor-faktor dalaman dan luaran. Cabaran dalaman seperti kepimpinan yang berkesan dan penglibatan ulama muda, serta cabaran luaran seperti pengaruh sekularisme, liberalisme dan teknologi digital, memerlukan PUM untuk beradaptasi dan bertindak dengan bijaksana. Di samping itu, isu mempolitikkan agama dan kekurangan dana serta sumber daya juga memberi kesan terhadap keberkesanan PUM dalam menjalankan tugasnya. Walaupun begitu, PUM terus memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkasakan perjuangan ulama di Malaysia, dengan komitmen yang teguh untuk mempertahankan ajaran Islam yang sahih, memelihara kesatuan umat dan memberikan panduan kepada masyarakat. Untuk memastikan kelangsungan dan keberkesanan perjuangan ini, PUM perlu terus memperkukuh organisasi, memperluaskan penglibatan generasi ulama muda, serta memanfaatkan kemajuan teknologi dan media sosial dengan bijak. Dengan menangani cabaran-cabaran ini secara proaktif, PUM akan terus menjadi wadah utama dalam memperjuangkan kepentingan umat Islam di Malaysia dan dunia.

Rujukan

- Abdul Majeed, A. B. (2005). Berdakwah Melalui Internet. *Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)*. Diakses 26 Jun 2025, <https://www.ikim.gov.my/berdakwah-melalui-internet/>
- Abdul Talib, N. A., Abdullah, M. Y., & Mohamad Salleh, M. A. (2017). Cabaran Dakwah Islam di Alam Siber. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Special Issue, 1-10.
- Abdullah, B., Ibrahim, A. Q., Ismail, A. F., & Latif, M. N. H. A. (2022). Dakwah digital dalam perkembangan Islam di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(3), 58–64.
- Ardae, M. (2019). Peranan ulama dalam melestarikan pendidikan akidah Islamiyyah di era revolusi industri 4.0. *International Seminar on Islamic Studies 2019: Cabaran Pengajian Islam dalam Era Revolusi Industri 4.0*, 346–355.
- Azhar, N. A. A. M., & Rahman, N. F. A. (2022). Hak dan kedudukan wanita dalam Islam: Tumpuan pada konsep kesamarataan gender. *International Journal of Religion, Arts and Humanities (IJRAH)*, 1, 141–153.
- Aziz, A. (2016). Isu-isu agama dan sekularisme dalam ruang sosio-politik di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(14), 64–69.
- Azizan, N. I., Ismail, N., Zin, S. M. M., Sani, K., & Halim, A. A. (2024). Pendekatan pengajaran kursus-kursus berorientasi kitab turath di institusi pengajian tinggi Islam Malaysia. *Attarbiawi: Malaysian Online Journal of Education*, 8(2), 143–152.
- Bernama. (2022, Ogos 25). Media sosial cabaran terbesar perangai hadis daif, palsu. *Astro Awani*. Diakses 24 Jun 2025, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/media-sosial-cabaran-terbesar-perangai-hadis-daif-palsu-481347>
- Hadi, M. Z. S. (2025, April 21). Jangan jadikan ayat al-Quran, hadis modal ceramah politik-Menteri. *Malaysia Gazette*. Diakses 24 Jun 2025, <https://malaysiagazette.com/2025/04/21/jangan-jadikan-ayat-al-quran-hadis-modal-ceramah-politik-menteri/>
- Jaafar, N. (2024, Oktober 10). Tidak wajar salahkan Jakim isu GISBH-PUM. *Sinar Harian*. Diakses 24 Jun 2025, <https://www.sinarharian.com.my/article/685638/berita/nasional/tidak-wajar-salahkan-jakim-isu-gisbh---pum>
- Jamaludin, M. S., Ab Rahim, N. M. Z., Ghazālī, M. A., & Shukor, A. S. A. (2013). Cabaran utama kontemporari menangani beberapa isu dalam pluralisme agama di Malaysia. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V*, 115–119.
- Kassim, H. B. (2017). *Persatuan Ulama' Malaysia sebuah penyelidikan organisasi pasca empat dasawarsa*. Persatuan Ulama' Malaysia.
- Lubti, N., & Osman, K. (2024). Cabaran dan Strategi Dakwah di Yayasan Maghfirah Malaysia. *Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah 2024*, 1-8.
- MalaysiaGazette, W. (2025, April 9). PUM seru umat Islam terus sokong perjuangan rakyat Palestin. *Malaysia Gazette*. Diakses 8 Julai 2025, <https://malaysiagazette.com/2025/04/09/pum-seru-umat-islam-terus-sokong-perjuangan-rakyat-palestin>
- Mardhiah, A. S., & Ibtisam, I. (2022). Pembentukan Nilai Diri Pendakwah Menurut HAMKA. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 5(2), 63-71.
- Meja Rencana. (2024, November 2). Sekularisme, pluralisme ancaman sebenar orang Melayu. *Utusan Malaysia*. Diakses 24 Jun 2025, dari <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2024/11/sekularisme-pluralisme-ancaman-sebenar-orang-melayu>

- Mohamad, Z. (2009). *Peranan Persatuan Ulama Malaysia dalam pengembangan undang-undang Islam di Malaysia* [Latihan Akademik, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta].
- Mohamed, B. A., Bakar, M. A. M., & Hussin, Z. (2010). Sejauh mana peranan agama dalam politik Malaysia. In *Political managements and policies in Malaysia*, 393–409.
- Othman, M. R. et al. (2022). Integrasi Ilmu Turath dan Saintifik dalam Penyelidikan Sebagai Prakarsa Dakwah Kontemporari. *Jurnal al-Abqari*, 27(1), 68-80.
- Parzi, M. N. (2025, Jun 24). Keputusan rayuan SIS Forum Malaysia: Persatuan Ulama gesa SSM perketat garis panduan nama syarikat. *BH Online*. Diakses 8 Julai 2025, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/06/1411217/keputusan-rayuan-sis-forum-malaysia-persatuan-ulama-gesa-ssm>
- Persatuan Ulama' Malaysia. (2023). *Laporan tahunan Persatuan Ulama' Malaysia sesi 2022/2023* (Laporan Tahunan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-43). Persatuan Ulama' Malaysia.
- Sejarah PUM. (n.d.). *Persatuan Ulama Malaysia*. Diakses 23 Jun 2025, <http://pum.org.my/sejarah-pum>
- Tumin, M., & Nurhadi, R. (2007). Sejarah dan perkembangan badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia. *Jurnal Sejarah*, 15(15), 161–176.